



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 18 APRIL 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	4,037 NELAYAN PULAU PINANG TERIMA BANTUAN PUKAT SEBANYAK RM1.61 JUTA, NEGERI SEMBILAN, SH -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2023	SINAR HARIAN	NEGERI SEMBILAN	26

## 4,037 nelayan Pulau Pinang terima bantuan pukot sebanyak RM1.61 juta

**GEORGETOWN** - Seramai 4,037 nelayan di Pulau Pinang menerima bantuan pukot bernilai RM400 secara sekali beri daripada kerajaan Pulau Pinang pada tahun ini.

Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin berkata, penyerahan bantuan pukot tersebut melibatkan 3,710 nelayan laut dan 327 nelayan sungai.

Menurutnya, bantuan melalui Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang itu melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1.61 juta.

"Pemberian bantuan ini dibuat mengikut daerah yang mana untuk Timur Laut, jumlah nelayan yang menerima (bantuan) adalah 816 orang iaitu hanya melibatkan nelayan laut. Bagi Barat Daya pula, juga melibatkan nelayan laut iaitu 1,134 orang.

"Bagi Seberang Perai Selatan (SPS) jumlah penerima adalah 940 orang iaitu 841 nelayan laut dan 99 nelayan sungai. Seberang Perai Tengah (SPT) pula, jumlah keseluruhan 312 iaitu 264 nelayan laut dan 48 nelayan sungai. Sementara itu, di Seberang Perai Utara (SPU) jumlah nelayan adalah 835 iaitu 655 nelayan laut dan 180 nelayan sungai," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau menambah, bantuan tersebut dibuat secara berperingkat mengikut daerah yang mula disalurkan pada Sabtu lalu.

"Bantuan dimulakan di daerah SPU iaitu pada Sabtu lalu di



**NORLELA**

Pejabat Daerah SPU diikuti Timur Laut dan Barat Daya iaitu pada Isnin. Timur Laut di Dewan Sri Pinang manakala Barat Daya di Dewan Politeknik Balik Pulau.

"Bagi SPS dan SPT pula, bantuan akan diberikan pada Selasa iaitu

SPS di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia, Nibong Tebal manakala SPT di Dewan Serbaguna, Pejabat Daerah dan Tanah SPT," katanya.

Beliau menambah, kerajaan negeri sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan khususnya melibatkan golongan nelayan di Pulau Pinang.

"Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah melalui program bantuan pukot yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Inisiatif ini adalah bagi membantu nelayan di negeri ini untuk meningkatkan hasil tangkapan dan menambahkan sumber pendapatan mereka.

"Pada tahun 2022, kerajaan negeri telah menyalurkan bantuan pukot sebanyak RM400 secara *one-off* melibatkan kos peruntukan sejumlah RM959,600 kepada 2,399 nelayan di negeri ini," katanya.

Norlela berkata, kerajaan negeri bersetuju agar pemberian bantuan pukot bagi tahun ini dilaksanakan secara kaedah pemberian wang tunai melalui penganjuran majlis di setiap daerah.